LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
INSTITUSI TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN)
BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR

DISEDIAKAN OLEH
DEVA NARAYANAN A/L MUNIANDY
UK5914
SARJANA MUDA PENGURUSAN
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
( KUSTEM )

2003

1100033043

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 3 FPE 1 2003

1100033043

Laporan akhir latihan industri di Institut Tadbiran Awam Negar (INTAN) Bukit Kiara, Kuala Lumpur / Deva Narayanan Muniandy.

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia

PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100033043

| | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

LI
3
FPE
1
2002

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA (INTAN), BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR.

DISEDIAKAN OLEH:
DEVA NARAYANAN A/L MUNIANDY
UK5914
SARJANA MUDA PENGURUSAN POLISI
DAN SEKITARAN SOSIAL

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada:

Jabatan Ekologi Sosial,
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi,
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2003

1100033043

# Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Deva Narayanan a/l Muniandy mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri saya. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan saya ini adalah merupakan pandangan saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,

..............................................

Nama : DEVA NARAYANAN A/L MUNIANDY

Tarikh : 30 SEPTEMBER 2003

Disahkan oleh,

..............................................

EN. MOHD RAZALI ABDULLAH
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Laithan Industri
Fakuluti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM.

## Ringkasan Eksekutif

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) adalah salah satu agensi atau institut kerajaan yang menawarkan latihan kepada para pegawai-pegawai sektor awam di Malaysia. Di samping INTAN juga menawarkan latihan kepada pegawai-pegawai sektor awam dari luar negara juga. Ia adalah salah sebuah institut kerajaan yang terkenal di arena antarabangsa. INTAN mempunyai 6 cawangan atau kampus berasingan di seluruh Malaysia. Kampus-kampus ini terletak di bahagian utara, selatan, timur dan barat semenanjung Malaysia serta di Sabah dan Sarawak.

INTAN adalah sebuah institut yang menekankan konsep kecemerlang dalam pengajaran dan penyebaran maklumat kepada seluruh peserta-peserta kursus yang datang berkursus di INTAN. INTAN dipertanggungjawabkan untuk menyediakan pegawai-pegawai awam dengan pengetahuan dan kebolehan yang tinggi supaya dapat menyumbang kepada kemajuan Negara.

INTAN mempunyai potensi untuk melahirkan penjawat awam yang yang mempunyai kecemerlangan yang tinggi pada masa hadapan. tidak juga dapat dinafikan bahawa INTAN juga mampu melahirkan pemimpin Negara pada masa hadapan. Ia bergerak seiring dengan slogan INTAN iaitu " Selangkah Di Hadapan ".